

**PM Dan Isteri Ziarah Bekas Ketua Cawangan Umno Tanah Putih
Bernama
5 Januari, 2013**

PEKAN, 5 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini meluangkan masa kira-kira 20 minit menziarahi bekas Ketua Umno Cawangan Tanah Putih di sini yang terlanjar sakit.

Sheikh Othman Sheikh Ahmad, 71, yang lumpuh sebelah badan selepas mengalami serangan jantung dan kencing manis itu ternyata sebak ketika menerima kunjungan perdana menteri dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor di rumahnya di kampung Tanah Putih di sini.

Perdana menteri dan isteri turut berbual-bual dan bertanya khabar Syeikh Othman yang terlanjar lumpuh sejak sembilan tahun lepas.

Menurut Sheikh Othman, dia memang berhasrat untuk menemui pemimpin nombor satu negara yang sangat disanjungnya itu.

"Saya pernah berjumpa perdana menteri sebelum ini ketika masih lagi aktif dalam politik.

"Saya rasa amat terharu apabila dapat bertemu perdana menteri hari ini. Hasrat dan impian saya tercapai," kata bapa kepada 16 orang anak itu di sini, hari ini.

Sementara itu, anak sulung Sheikh Othman, Siti Robiah, 48, berkata bapanya sangat aktif dalam pelbagai persatuan dan mula bergiat dalam politik sejak tahun 80-an.

Beliau berkata selepas mengalami serangan jantung pada hujung tahun 2003, bapanya melepaskan semua jawatan dalam politik dan aktiviti sosial.

"Ayah saya juga pernah berkhidmat sebagai pengerusi peladang kawasan Pekan selama 12 tahun," katanya.

Turut hadir Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=919596>